

KONSEP KEISLAMAN DALAM REKABENTUK KURIKULUM
PELANCONGAN DI SEBUAH POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

MOHD SHAHRIR AHMAD ZAINI

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO

3 0000 00077634 8

SCANNED
AVAILABLE ONLINE

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL : **KONSEP KEISLAMAN DALAM REKABENTUK
KURIKULUM PELANCONGAN DI SEBUAH
POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

SESI PENGAJIAN : 2001/2002

Saya **MOHD SHAHRIR BIN AHMAD ZAINI (760621-08-5185)** mengaku membenarkan tesis (~~PSM/Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian ini untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan juga dibenarkan membuat salinan kajian ini sebagai pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. ** Sila tandakan (✓) (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

SULIT

TERHAD

TIDAK
TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

Shahrir

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:
Rumah Guru
Maahad Al-Yahyawiah
33700 Padang Rengas
Perak DarulRidzuan.



Tarikh: 25 SEPTEMBER 2002

H. Jamaluddin Hashim

(TANDATANGAN PENYELIA)

HJ. JAMALUDDIN HASHIM
(Penyelia)

Tarikh: 25 SEPTEMBER 2002

- CATATAN : *
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.”

Tandatangan

Nama Penyelia

Tarikh

.....

: Hj. Jamaluddin Hashim

..... 27. Sep 2002

KONSEP KEISLAMAMAN DALAM REKABENTUK KURIKULUM
PELANCONGAN DI SEBUAH POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA


MOHD SHAHRIR AHMAD ZAINI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 
Nama : Mohd Shahrir Ahmad Zaini
Tarikh : 25 September 2002

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Terlebih dahulu pengkaji memanjatkan syukur ke hadrat Allah Taala kerana dengan keizinanNya projek ini dapat disiapkan. Selawat dan junjungan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Tuan Haji Jamaluddin Hashim selaku penyelia projek yang banyak memberi idea serta tunjuk ajar sepanjang tempoh menyiapkan projek ini. Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada Dr. Zulkifli Zakaria dan Encik Saifulizam Puteh yang menjadi penilai dan membantu memperbaiki penulisan projek ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu, Afandi Fikri, Zahidi, Fadzil, Baharudin, Azlinda dan lain-lain yang menghulurkan bantuan dalam bentuk material, idea serta dorongan sebagai inspirasi untuk berusaha menyiapkan projek ini.

Ribuan terima kasih dirakamkan kepada Cik Azila dan Cik Intan Shafina, pensyarah Unit Pengurusan Pelancongan Politeknik Johor Bharu dan pelajar semester 6 kursus pengurusan pelancongan yang memberi kerjasama menjayakan soalselidik dan kajian ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menjayakan projek sarjana ini.

ABSTRAK

Perkembangan yang pesat industri pelancongan di negara ini telah dibuktikan melalui sumbangannya yang besar terhadap pendapatan negara. Industri ini turut menyediakan peluang pekerjaan dalam kuantiti yang cukup besar kepada rakyat. Menyedari bahawa tenaga kerja yang terlatih diperlukan untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan dalam bidang pelancongan negara, banyak institusi pengajian termasuk Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia telah menawarkan kursus khusus dalam bidang pelancongan. Bidang pelancongan ini seringkali dikaitkan dengan unsur-unsur negatif yang bertentangan dengan budaya dan agama Islam. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk melihat konsep keislaman dalam rekabentuk kurikulum pelancongan di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar semester enam kursus pengurusan pelancongan Politeknik Johor Bharu, Pasir Gudang, Johor. Data dikumpul menggunakan soalselidik dan dianalisis menggunakan taburan frekuensi, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran yang diberikan tidak mempunyai penerapan konsep keislaman. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perubahan sosial yang dialami oleh pelajar mendedahkan mereka kepada perkara yang negatif dan akhir sekali, perubahan diperlukan untuk mengukuhkan kurikulum disamping perlunya menerapkan konsep keislaman dalam kurikulum berkenaan. Oleh itu, dicadangkan agar pelaksanaan kurikulum pelancongan dapat diperhalusi untuk membina graduan yang berwibawa dan mempunyai sahsiah yang tinggi.

ABSTRACT

The rapid growth of tourism industry in the country is proven with its great contribution in the general income. The industry also has provided job opportunities for the society. Skill labours are required to upgrade the quality service in the sector, therefore, many colleges including Ministry of Education Polytechnic have offered tourism programme. The tourism industry, however, is always associated with negative elements opposing Islamic culture and values. The purpose of this research is to examine Islamic concept in tourism curriculum design implemented in Ministry of Education Polytechnic. Respondent consist of 42 muslim student in final semester enrolled in the programme in Polytechnic Johor Bharu. The data has been analysed using descriptive statistic producing frequency, percentage and mean. The study shows that skills provided does not comply with Islamic concepts. It is also shows that social changes occurred to students after taking the course skewed them toward negative conduct. Changes are needed to strengthen the curriculum design in compliance with Islamic concept. Therefore, the implementation of tourism curriculum should be scrutinized to build highly competence and cultured graduates.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Pengesahan Status Projek	
	Pengesahan Penyelia	
	Halaman Judul	i
	Halaman Pengakuan	ii
	Halaman Dedikasi	iii
	Halaman Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	Pengenalan	1
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latarbelakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Tujuan Kajian	8
	1.4 Soalan Kajian	9
	1.6 Kerangka Teori	10
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.8 Definisi Istilah	11

BAB II	SOROTAN PENULISAN	14
2.1	Pendahuluan	14
2.2	Ulasan Karya	15
2.2.1	Kurikulum Pelancongan	14
2.2.2	Kemahiran	16
2.2.3	Pengaruh Sosial	18
2.2.4	Pendidikan Menurut Islam	20
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	22
3.1	Pengenalan	22
3.2	Rekabentuk Kajian	23
3.2.1	Prosedur Mengumpul Data	23
3.2.2	Tempat Kajian	24
3.3	Responden	24
3.4	Instrumentasi Kajian	25
3.5	Kaedah Analisis Data	27
3.6	Batasan Kajian	28
3.7	Andaian	28
BAB IV	REKABENTUK PRODUK	30
4.1	Pengenalan	30
4.2	Latarbelakang Penghasilan Projek	30
4.3	Rekabentuk Produk	32

4.3.1	Bentuk dan ciri-ciri produk	32
4.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	33
4.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	35
4.3.3.1	Kerjasama Responden	35
4.3.3.2	Masa	35
4.3.4	Bahan, Kos dan Masa Pembinaan	36
4.3.4.1	Bahan	36
4.3.4.2	Kos	36
4.3.4.3	Masa	37
4.4	Penilaian Produk	38
4.4.1	Pemilihan dan pembinaan Instrumen	38
4.4.2	Pemilihan Subjek Untuk Penilaian Produk	39
4.4.3	Cadangan Pembaikan	39
BAB V	ANALISIS DATA	40
5.1	Pengenalan	40
5.2	Analisis Soal selidik	40
5.3	Bahagian A	41
5.4	Bahagian B	45
5.5	Bahagian C	51

BAB VI	KESIMPULAN DAN CADANGAN	54
6.1	Pengenalan	54
6.2	Kesimpulan	54
6.2.1	Tiada Kemahiran Pelancongan Yang Bertentangan Dengan Konsep Keislaman	55
6.2.2	Perubahan Sosial Pelajar Pengurusan Pelancongan Kurang Sesuai Dengan Nilai Islam	56
6.2.3	Keperluan Terhadap Perubahan Sedia Ada Supaya Konsep Islam Dapat diterap Dalam Rekabentuk Kurikulum Pelancongan Politeknik	57
6.3	Cadangan	58
6.3.1	Cadangan Kepada Politeknik	59
6.3.2	Cadangan Kepada Pensyarah	59
6.3.3	Cadangan Kepada Kajian Akan Datang	60
RUJUKAN		61 - 66
LAMPIRAN A – C		67 - 77

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Format Skala Likert	26
4.3	Anggaran Perbelanjaan Penghasilan Produk	37
5.3	Min Kemahiran Pelancongan dan Penerapan Nilai Islam	41
5.4	Min perubahan sosial yang berlaku ke atas responden hasil pembelajaran mereka dalam kursus pelancongan di Politeknik	45
5.5	Min Perubahan Terhadap Kurikulum Sedia ada supaya konsep Islam dapat diterapkan dengan baik.	51

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.6a	Konsep Keislaman Dalam Rekabentuk Kurikulum Pelancongan di Sebuah Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia	10
4.3a	Carta Aliran Penghasilan Produk	34
5.3a	Peratus penerapan konsep dan nilai Islam dalam kurikulum pelancongan	43
5.3b	Peratus tiada kemahiran yang bercanggah dengan praktis sebagai muslim dalam kurikulum pelancongan	44
5.4a	Peratus pelajar harus mempunyai kemahiran sosial yang baik untuk menceburi bidang pelancongan	46

NO.RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
5.4b	Peratus kemahiran komunikasi dan sosial bertambah baik selepas mengikuti kursus pelancongan di politeknik	48
5.4c	Peratus pelajar yang tidak lagi menghadapi masalah berkomunikasi dengan rakan berlainan jantina selepas mengikuti kursus ini.	49
5.5a	Pandangan responden terhadap kurikulum sedia ada perlu diperbaiki dengan mengambilkira kehendak pasaran dan kesesuaian dengan budaya dan agama	52
5.5b	Peratus bahawa kurikulum harus melahirkan pelajar yang mempunyai nilai budaya dan agama dan menyumbang kepada pembangunan negara.	53

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Surat Kebenaran Mengadakan Kajian	67
B	Borang Soal selidik	68
C	Hasil Analisa SPSS	72

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Industri pelancongan merupakan satu industri dan fenomena terbesar dalam mencirikan pergerakan manusia serta perbelanjaan mereka. Pada tahun 1993 sahaja, dianggarkan seramai 5 billion penduduk dunia mengembara ke seluruh dan sebanyak USD 306 billion dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Berdasarkan perkiraan dia atas, pelancongan dikatakan akan menjadi industri terpenting pada abad akan datang (Kadir, 1997).

Di Malaysia, pelancongan hanya diberi perhatian yang serius oleh perancang dan perangka dasar negara di sekitar tahun 1970. Pada tahun 1959, Malaysia yang ketika itu dikenali sebagai Malaya menerima kedatangan kira-kira 25,000 orang pelancong dan meningkat kepada 36,000 pada tahun 1963. Pada tahun 1974, ketibaan pelancong dicatatkan melebihi jumlah sejuta orang. Jumlah ini meningkat tiga kali ganda pada dekad berikutnya dan sekali lagi meningkat dua kali ganda pada tahun 1993 (Kadir,

1997). Potensi negara dalam bidang pelancongan digambarkan oleh Menteri Pelancongan sebagai 'salah satu destinasi menarik dunia' (Utusan Borneo, 26 Jun 1994)

Dari sudut peluang pekerjaan, sektor ini telah menyediakan hampir 50,000 pekerjaan dalam bidang perhotelan sahaja (Kadir, 1997). Pada tahun 1995, industri ini telah dianggar mewujudkan kira-kira 106,000 peluang pekerjaan dengan sektor kecil penginapan mempunyai bilangan pekerja terbesar iaitu kira-kira 58% daripada jumlah gunatenaga keseluruhan industri diikuti dengan agensi pelancongan dan pengembaraan serta penerbangan (Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Perdana Menteri, 1996).

Ini bermaksud kewujudan aktiviti pelancongan membuka banyak ruang untuk perkembangan ekonomi setempat serta menyumbang kepada pendapatan dan pembangunan negara. Fais (2001) menyatakan bahawa aktiviti pelancongan adalah bersifat *reciprocal*. Ini bermaksud jika terdapatnya aktiviti pelancongan di sesuatu tempat, industri-industri lain yang menyediakan kemudahan sokongan akan wujud dan dinaikkan taraf.

1.1 Latarbelakang Masalah

Kemp dan Pearson (1997) menyatakan bahawa dalam bidang hiburan dan pelancongan adalah industri yang berkembang dengan pantas, maka ia menyediakan sebahagian besar pekerjaan. Salah satu ciri utama industri pelancongan yang memberi manfaat ke atas ekonomi ialah kapasitinya dalam mewujudkan peluang pekerjaan kepada ramai orang berdasarkan kemahiran berbeza dan tahap kemampuan mereka (Davidson, 1993).

Industri pelancongan adalah industri yang berintensifkan buruh, bermakna ia amat bergantung kepada jumlah tenaga manusia yang besar untuk meneruskan operasinya, berbeza dengan industri pembuatan lain yang berasaskan jentera serta teknologi.

McIntosh, Goeldner dan Ritchie (1995), menyatakan bahawa sektor pelancongan menyediakan banyak peluang pekerjaan yang berkaitan samada secara langsung atau tidak dengan industri ini iaitu industri perkhidmatan, industri pengangkutan dan sebagainya.

Di beberapa negara maju, pelancongan secara signifikan telah memainkan peranan yang penting untuk menjana peluang pekerjaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

“Harssel (1994) menyatakan bahawa terdapat tiga kategori peluang pekerjaan yang terhasil daripada proses pembangunan pelancongan iaitu :-

1. Pekerjaan yang diwujudkan secara langsung untuk menggerakkan industri
2. Pekerjaan yang terhasil daripada pembangunan industri seperti pengangkutan, pertanian, perbankan dan;
3. Pekerjaan yang diwujudkan secara tidak langsung untuk pelancongan, yang timbul daripada perbelanjaan masyarakat setempat hasil daripada pendapatan dari industri pelancongan.

Dalam satu kajian yang dijalankan pada tahun 1993 melibatkan 195 orang penduduk tempatan di Pulau Pinang dan Langkawi, 66.7% daripada responden yang terdiri daripada penduduk tempatan menyatakan bahawa pelancongan memberikan impak positif kepada masyarakat setempat dengan menyediakan peluang pekerjaan (Kadir, 1993).

Namun demikian, tidaklah bermakna bahawa kewujudan peluang pekerjaan yang banyak, mampu meningkatkan perkembangan industri pelancongan sebaliknya ia menuntut keperluan buruh yang berkemahiran kerana kerjaya dalam bidang ini amat menitikberatkan soal perkhidmatan dan pelanggan.

Berdasarkan terhadap kesedaran tersebut, latihan haruslah diberikan melalui program hospitaliti institusi pengajian atau agensi-agensi yang menawarkan aktiviti-aktiviti hospitaliti (Utami Hidayah, 2001). Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan memberikan penekanan terhadap pendidikan yang lebih bercorak vokasional, supaya pekerja mahir dan separuh mahir dapat dikeluarkan bagi memenuhi keperluan sektor awam dan swasta. Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia bercadang untuk mengeluarkan 676,000 penuntut aliran vokasional menjelang tahun 2020 (The Star, Mac 2000).

Justeru, banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan program pelancongan dipelbagai peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda dan sarjana. Antara institusi pengajian tinggi terbabit ialah Universiti Teknologi MARA (sijil / diploma / ijazah), Universiti Utara Malaysia (ijazah pertama), Universiti Teknologi Malaysia (ijazah sarjana) dan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia (sijil / diploma. Manakala institusi pengajian swasta pula antaranya ialah Kolej Damansara Utama, Kolej Lagenda, Kolej Stamford dan Kolej Aman.

Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia menjadikan pelancongan sebagai salah satu program yang ditawarkan kerana menyedari sumbangan pelancongan terhadap negara untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pelancongan agar dapat mengembangkan industri pelancongan dengan lebih pesat (Utami Hidayah, 2001).

McIntosh, Goeldner dan Ritcjie (1995) menyatakan bahawa pelajar kursus pelancongan yang ingin menceburi kerjaya bidang pelancongan perlu menyiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ini.

Usaha untuk menjadikan politeknik sebagai pengeluar tenaga kerja yang terlatih dalam pelbagai bidang termasuk pelancongan diberikan sokongan penuh oleh kerajaan. Bagi mencapai hasrat itu, dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 6 buah politeknik dirancang ditubuhkan dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pula, empat buah lagi politeknik dirancang penubuhannya (Sharil dan Habib, 1999). Pada masa sekarang, 2 buah politeknik yang menawarkan kursus pelancongan pada peringkat sijil dan diploma ialah Politeknik Shah Alam dan Politeknik Johor Bharu.

1.2 Pernyataan Masalah

- i. Sejauhmanakah kurikulum pelancongan yang ditawarkan di politeknik dapat memenuhi keperluan industri pelancongan negara?

Menurut Unyan (2001) untuk mengekalkan daya saing yang mampan dalam pasaran antarabangsa, peranan sumber manusia amat penting dalam menjamin kualiti perkhidmatan dan industri pelancongan, industri mesti berupaya menawarkan tenaga kerja yang kompetitif, berkualiti dan bersahsiah tinggi. Oleh yang demikian kurikulum yang dipraktikkan terutamanya di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia harus berupaya mencapai cabaran-cabaran tersebut.

Unyan (2001) dengan berdasarkan satu artikel yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengangkutan, Komunikasi, Pelancongan dan Pembangunan Infrastruktur untuk Asia Pasifik menyatakan bahawa perkembangan yang pesat dalam industri pelancongan antarabangsa memerlukan satu tenaga kerja yang berkualiti tinggi, berkemahiran, berpengetahuan dan memiliki sahsiah yang tinggi.

Menurut laporan jawatankuasa ini lagi, memang terdapat perbezaan jurang kapasiti latihan yang dijalankan diantara institusi pengajian tinggi dengan keperluan industri di mana elemen-elemen kurikulum dan piawaian kemahiran perlu dikemaskini dan dipertingkatkan lagi. Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai pengeluar graduan pelancongan amat tepat. Koh (1995) menyatakan bahawa kebanyakan industri lebih berminat untuk mendapatkan graduan yang berkeترampilan dari segi teknikal.

ii. Bagaimanakah kurikulum kursus pelancongan politeknik digubal dan dilaksanakan?

Menurut Goldsmith dan Mohd Salehuddin (1994), menurut mereka kebanyakan institusi swasta seperti Kolej Damansara Utama, Kolej Mahkota, Kolej Stamford, Reliance Trading Corporation, The Hotel Catering Institutional Management Center, Kolej Aman dan lain-lain institusi swasta yang menawarkan program pelancongan menggunakan silibus dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis dan Switzerland. Xio Qian Hui dan Liu Zhijiang (1995) juga menyatakan bahawa kebanyakan sekolah mengadaptasi kaedah pengajaran (*pedagogical methods*) antarabangsa dan struktur kurikulum apabila menggubal kurikulum untuk kursus pelancongan dan hospitaliti.

Secara keseluruhan, program pelancongan dan hospitaliti yang ditawarkan di semua peringkat pengajian di institusi pengajian awam dan swasta termasuk Politeknik adalah cenderung kepada kurikulum dari negara-negara tersebut di atas.

Namun, ada kemungkinan ia mengalami pengubahsuaian untuk menyesuaikan antara kandungan dengan keperluan-keperluan industri pelancongan tempatan disamping mengambil kira kesesuaian dengan budaya dan beberapa panduan yang digariskan

dalam Falsafah Pendidikan Negara. “Matlamat ini dibayangkan dalam misi Kementerian Pendidikan untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia (Ee Ah Meng, 1996).”

iii. Sejauhmanakah kurikulum kursus pelancongan menitik beratkan nilai-nilai yang terkandung dalam kebudayaan dan agama islam?

Beberapa persoalan yang timbul ialah mengenai kesesuaian pelajar beragama Islam yang mengambil kursus ini dan apakah persepsi mereka kerana pelancongan seringkali dikaitkan dengan aktiviti hiburan yang tidak berfaedah seperti perjudian, penggunaan alkohol, pergaulan dan aktiviti bebas dan sebagainya (Norhazani, 1992).” Walaupun yang demikian itu, merupakan elemen yang tidak dominan dalam industri ini, tetapi para pelajar melalui kurikulum kursus pelancongan dilihat sebagai membenarkan elemen tersebut berlaku dalam industri dan sumbangan mereka dalam pasaran pekerjaan kelak diibarat sebagai proses yang memanjangkan lagi unsur-unsur yang tidak sesuai dengan nilai-nilai Islam.

Kadir (1997) menyatakan terdapat bias yang cenderung membenarkan perlakuan yang bertentangan dengan nilai agama dalam kursus pelancongan. Sebagai contohnya persepsi yang ditanam oleh kursus ini terhadap pelacuran, penggunaan minuman keras, dadah, perjudian dan aktiviti-aktiviti rekreasi dan budaya hotel boleh merangsang pemikiran yang negatif.

Gunatenaga dalam sektor pelancongan menghasilkan beberapa impak sosial (Harssel, 1994)”. Menurut Dogan dalam Harssel (1994) gejala negatif ini boleh berlaku kepada mereka melalui beberapa cara, antaranya penolakan terhadap budaya sendiri